

03/02/1999

LTDL pendedahan terbaik buat pelumba

STATUS perlumbaan jelajah Le Tour de Langkawi (LTDL) akan cuba ditingkatkan dari semasa ke semasa supaya ia mencapai tahap yang setanding dengan perlumbaan berprestij lain di Eropah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata dalam tempoh empat tahun sejak edisi permulaan secara kecil-kecilan pada 1996, ia kini menjadi salah satu acara sukan terbesar dunia dengan kehadiran ramai pelumba antarabangsa.

Dr Mahathir yang juga penaung perlumbaan jelajah 12 peringkat sejauh 1773.5km itu berkata hakikat berkenaan membuktikan rakyat negara ini mampu menganjurkan perlumbaan berbasikal jelajah yang sukar sehingga ia menarik perhatian dan diiktiraf Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI).

"Walaupun saya kurang faham mengenai status ini, kita akan cuba mencapai taraf setinggi mungkin. Tetapi yang jelas, dari segi penganjuran, kita mendapat banyak faedah dan pengetahuan.

"Ia juga memberi kesempatan dan pendedahan kepada pelumba negara kita sendiri untuk bersaing dengan pelumba profesional dunia.

"Hasilnya, dengan tak disangka-sangka, pelumba kita mampu memenangi pingat pertama dalam acara berbasikal Sukan Komanwel lalu," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis jamuan tengah hari meraikan LTDL '99 di Langkawi, semalam.

Dr Mahathir berkata dalam keadaan kegawatan ekonomi yang melanda rantau sebelah sini serta berada di antara negara yang lebih terkenal di mata dunia, Malaysia juga tidak terkecuali menghadapi saat kesukarannya.

Bagaimanapun, dengan sokongan penaja dan semangat tinggi penganjur, katanya, perlumbaan itu tetap mampu dikendalikan dengan lancar hingga semakin meningkat mutunya dan terkenal di Eropah serta dijangka ditonton 1.2 bilion peminat di seluruh dunia.

Di majlis itu juga, Perdana Menteri menyampaikan hadiah kepada beberapa penaja yang membantu penganjur, First Cartel (M) Sdn Bhd, menjayakan perlumbaan yang menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan RM1.5 juta itu.

Turut hadir ialah Pengerusi First Cartel, Wan Lokman Wan Ibrahim, Pengerusi Eksekutif Telekom Malaysia Berhad, Datuk Ali Hassan, serta Presiden Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (MNCF), Abu Samah Wahab.

Sambil mengalu-alukan kehadiran pelumba luar negara yang akan menyertai perlumbaan jelajah itu hari ini, Dr Mahathir juga meminta mereka berseronok dan menikmati kehijauan sebenar yang ada di negara ini walaupun ia sentiasa 'diserang' pihak luar.

"Saya sentiasa mengagumi seseorang yang menjadi pelumba basikal yang berdedikasi terhadap acara mereka hinggakan ada yang bersikap 'makan basikal dan tidur basikal', malah ada yang membawa basikal ke bilik tidur," katanya berseloroh.

Menurutnya, LTDL '99 bukan sahaja memerlukan kekuatan fizikal seperti perlumbaan lain tetapi ia juga menguji ketabahan pelumba kerana terpaksa berlumba di bawah keadaan cuaca panas.

"Di sini, Malaysia lebih panas dan memerlukan lebih tenaga. Tetapi berseronoklah dan beritahu kepada rakan-rakan lain yang tidak datang mengenai apa yang boleh anda dapati dan lihat di sini," katanya.

(END)